



KEMENTERIAN
KEMAJUAN DESA DAN WILAYAH



TAKWIM

KEUSAHAWANAN MARA

2026



KATA-KATA ALUAN

Assalamualaikum wbt. dan Salam Sejahtera

Syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia-Nya, kita sekali lagi dipertemukan dengan lembaran tahun baharu yang penuh dengan semangat, harapan dan peluang yang lebih besar. Tahun 2026 diharap menjadi titik permulaan baharu kepada para usahawan untuk terus berkembang maju dalam landskap ekonomi yang semakin dinamik dan berdaya saing.

Seiring dengan aspirasi untuk meningkatkan skala syarikat Bumiputera pelbagai program pembangunan keusahawanan dirangka bagi menyokong pertumbuhan dan kelestarian perniagaan. Takwim Keusahawanan 2026 ini diterbitkan sebagai panduan dan rujukan utama kepada usahawan untuk merancang penyertaan dalam Program Latihan Keusahawanan yang ditawarkan sepanjang tahun.

Sesebuah perniagaan bukan sahaja bergantung kepada modal dan kemahiran, tetapi juga jaringan sokongan, inovasi serta kesediaan untuk berubah mengikut keperluan semasa. Justeru, kami menggalakkan usahawan untuk memanfaatkan sepenuhnya peluang yang disediakan bagi mengekalkan daya saing syarikat.

Akhir kata, semoga tahun baharu ini menjadi pemacu kepada pencapaian yang lebih cemerlang. Marilah kita melangkah ke hadapan dengan iltizam dan keyakinan yang tinggi dalam menjayakan agenda pembangunan usahawan bumiputera.

Dengan penuh harapan, saya mengucapkan selamat menyambut Tahun Baharu 2026 dan selamat maju jaya kepada semua.

Sekian, terima kasih.

Mur Uyon binti Shuib

**Pengarah
Bahagian Pembangunan Usahawan MARA**





KERANGKA PUTERA35

VISI:
MENGANGKAT DARJAT DAN MARTABAT BUMIPUTERA

TEMA

Penyertaan, Pemilikan dan Penguasaan Bumiputera yang lebih bermakna

TERAS

TERAS I
Memperkuh Pasak
Ekonomi Negara

TERAS II
Memperteguh Kerukunan
Tatakelola & Institusi

TERAS III
Menegakkan
Keadilan Sosial

PEMACU

Penguasaan Ekonomi

Penyampaian Perkhidmatan &
Tatakelola

Pembasmian Kemiskinan
Tegar

Peningkatan Daya Saing &
Penskalan

Penyertaan Syarikat
Swasta, GLC & GLIC

Pengukuhan Sistem
Perlindungan Sosial

Pembangunan Bakat &
Pemeriksaan Ekosistem
Pendidikan

Penghayatan Falsafah
Bumiputera

Pembangunan Sosioekonomi
Orang Asli

Penciptaan Kekayaan

Pengukuhan Pembangunan
Sabah & Sarawak ke arah
Keseimbangan Wilayah

Peningkatan Pemilikan
Ekuiti

IKHTIAR

71

20

41



DPLB
2030



KEB/
PUTERA35
2035

AKTA MARA 1966



RMK13
2030



NIMP
2030



PELABURAN



PENDIDIKAN

VISI

Menjadi organisasi amanah yang unggul dan diberkati untuk mengangkat martabat bangsa

MISI

Menerajui bidang Keusahawanan, Pendidikan dan Pelaburan untuk penguasaan ekuiliti bumiputera

NILAI BERSAMA

Amanah rakyat

MOTO

Keusahawanan & Pendidikan Global



KEUSAHAWANAN



KHIDMAT
PENGURUSAN

KERANGKA STRATEGIK MARA 2026 - 2030

TERAS 2 MELONJAK DAYA SAING DAN PENSKALAAN USAHAWAN



INDUSTRI FOKUS





EKOSISTEM PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN MARA



Pembangunan
Usahawan

Pembangunan
Perniagaan

Sokongan
Perniagaan




Sila imbas kod untuk
maklumat lanjut berkaitan
Ekosistem Keusahawan MARA



KURSUS ASAS KEUSAHAWANAN


NEGERI	BULAN
MELAKA, PAHANG, KELANTAN, TERENGGANU, JOHOR, PULAU PINANG, PERAK, WILAYAH PERSEKUTUAN & KEDAH	JANUARI, MAC, MEI, JULAI, SEPTEMBER & NOVEMBER
NEGERI SEMBILAN, PERLIS & SELANGOR	FEBRUARI, APRIL, JUN, OGOS, OKTOBER & DISEMBER
SABAH & SARAWAK	SETIAP BULAN



AUTOMOTIF

KURSUS	KETERANGAN	NEGERI	BULAN
<i>Skill2Biz in Automotive Industry</i>	Mencetus pemikiran pelajar TVET menukar kemahiran teknikal kepada sumber pendapatan melalui pemilihan servis mikro, pengiraan kos dan harga, pemasaran digital ringkas serta pendedahan pendaftaran perniagaan.	Pahang Melaka Sabah	Februari Mac Julai
<i>EV Maintenance & Retrofit Skills</i>	Pengenalan penyelenggaraan asas kenderaan elektrik dan retrofit kereta/motor.	Pulau Pinang W.Persekutuan Kelantan	Februari Jun Ogos
<i>Body & Paint, Carbon Fibre Automotive Specialist</i>	Melahirkan usahawan yang mampu menghasilkan kerja carbon fibre yang kemas, tahan lama dan standard profesional industri automotif.	Sarawak Negeri Sembilan Kedah	Ogos Julai Mei
<i>SIRIM : Good Automotive Repair Practices MS 2697:2018</i>	Kod amalan untuk perkhidmatan automotif, penggunaan peralatan yang betul dan prosedur kerja yang sistematik supaya kualiti perkhidmatan yang tinggi serta selamat.	Johor BPU Terengganu	Mac April Ogos

PEMBINAAN




KURSUS	KETERANGAN	NEGERI	BULAN
Kursus Pemerkasaan Legasi Kontraktor	Kursus Pemerkasaan Legasi Kontraktor merupakan program pembangunan kapasiti yang direka khas untuk generasi kedua dalam perniagaan perkhidmatan kontraktor. Kursus ini bertujuan melahirkan kontraktor muda yang kompeten, berdaya saing dan berupaya meneruskan legasi perniagaan keluarga dengan lebih teratur, mapan dan berorientasikan masa depan.	Perak Sabah Terengganu	Februari Mac Mei
<i>Business Information Modelling (BIM) & AI dalam Rekabentuk Bangunan</i>	Penggunaan Building Information Modelling + AI untuk simulasi struktur.	Sarawak Pulau Pinang W.Persekutuan	Februari Jun Ogos
Kursus Teknologi Smart Building & AI	Memberi pendedahan menyeluruh kepada kontraktor mengenai konsep, teknologi, aplikasi dan amalan terbaik dalam pembinaan bangunan pintar berasaskan kecerdasan buatan.	Johor Perlis Kelantan	Februari April Mei
<i>Green Sustainable & Energy - Efficient Construction</i>	Pendedahan kepada standard seperti ISO 14001, ISO 50001, dan pematuhan alam sekitar untuk fasiliti industri.	Selangor Kedah Pahang	Mac April Mei



GAYA HIDUP

KURSUS	KETERANGAN	NEGERI	BULAN
Kursus Asas Pengurusan SPA	Memberi kefahaman menyeluruh kepada peserta tentang konsep pengurusan strategik dalam operasi hotel dan SPA, merangkumi aspek perancangan, pengurusan sumber manusia, pemasaran, serta penyampaian perkhidmatan yang berkualiti.	Sabah Perlis Melaka	April Ogos Julai
Kesedaran <i>Muslim Friendly Tourism & Hospitality Assurance (MFAR)</i>	Memberikan kesedaran dan Pendedahan kepada pengusaha resort/hotel berkaitan <i>Muslim Friendly & Hospitality</i> bagi memahami keperluan, <i>standard</i> amalan baik dalam menawarkan perkhidmatan <i>Muslim Friendly</i> .	Terengganu Perak Pahang	Februari Mac Ogos
Operasi Pintar Perniagaan Kecantikan dan SPA	Membolehkan usahawan bidang kecantikan dan SPA mengurus operasi perniagaan secara pintar dan digital termasuk pengurusan inventori, tempahan, pemasaran, kawalan kualiti serta penggunaan Sistem POS, CRM dan analitik untuk meningkatkan kecekapan mengurangkan kos dan membangunkan perniagaan secara teratur, moden dan berdaya saing.	Kelantan Selangor Johor	April Mei Ogos
<i>Digital Fashion Entrepreneurs</i>	Kursus ini membolehkan usahawan fesyen membina dan mengembangkan jenama secara digital selain fizikal termasuk strategi pemasaran online, e-dagang, <i>branding</i> , <i>story telling</i> dan penggunaan teknologi terkini untuk meningkatkan jualan, <i>engagement</i> pelanggan dan daya saing dalam pasaran fesyen terkini.	Sarawak W.Persekutuan Negeri Sembilan	April Mei Julai

MAKANAN & MINUMAN



KURSUS	KETERANGAN	NEGERI	BULAN
<i>Next-Gen Content Creator Programme</i>	Program intensif yang direka untuk melahirkan generasi baharu pencipta kandungan digital yang mahir dalam penghasilan kandungan moden, strategi media sosial, dan pembangunan jenama peribadi	Negeri Sembilan Pulau Pinang Pahang	Januari Mei Julai
<i>Product Development: Commercialization for Labelling and Packaging</i>	Memastikan produk yang hendak dipasarkan adalah secara sah, selamat dan kompetitif.	Perlis Sabah Terengganu	Mac Mei Ogos
<i>Food Safety Certification for Home Based Product</i>	Memberi pengiktirafan rasmi bahawa produk makanan dihasilkan dari rumah, dikendalikan, dan disimpan mengikut standard keselamatan makanan yang ditetapkan.	Kedah Melaka Selangor	Februari Mei Ogos
<i>Ready to Export</i>	Merupakan program pembangunan keupayaan (<i>capacity building</i>) yang dirangka untuk membantu usahawan memasuki pasaran antarabangsa. Program ini memberi fokus kepada peningkatan literasi eksport, pematuhan piawaian global, strategi pemasaran antarabangsa serta keperluan teknikal dan dokumentasi yang diperlukan untuk menjalankan aktiviti eksport dengan berjaya.	Kelantan Perak Sarawak	Mac Mei Jun



PERKHIDMATAN

KURSUS	KETERANGAN	NEGERI	BULAN
<i>Market Places & Digitalization</i>	Mengadaptasi pemikiran digital (<i>digital mindset</i>) dan membina budaya kerja berasaskan teknologi dalam perniagaan.	Perlis W.Persekutuan Johor	Januari April Jun
<i>Perkhidmatan- Home Nursing & Caregiver Business Training</i>	Memberi pendedahan praktikal dan strategik kepada peserta untuk meningkatkan kemahiran penjagaan, pengurusan operasi dan pembangunan perniagaan perkhidmatan kejururawatan di rumah secara profesional dan mampan.	Pulau Pinang Perak Negeri Sembilan	April Jun Ogos
Pembangunan Vendor Industri Elektrik & Elektronik (E&E)	Seminar pembudayaan dan pendedahan kepada pembangunan usahawan vendor seperti dalam bidang <i>calibration / stencil/ chemical</i> kepada industri E&E	Sarawak BPU Kedah	Mac Jun Julai
Keusahawanan Tenaga Hijau (<i>EV Charging, Solar Leasing</i>)	Latihan model bisnes tenaga hijau. Menyokong Dasar Tenaga Negara & Net Zero 2050	Melaka Selangor Sabah	Jun Julai Ogos

**Sila imbas untuk maklumat lanjut berkaitan
Kemudahan Perniagaan MARA**

Latihan Keusahawanan
(MyKursus)

Premis Perniagaan
(MyPremis)

Pembiayaan Perniagaan
(MyBiaya)



https://bit.ly/MyUsahawan_MARA



**ALAMAT
PEJABAT MARA NEGERI &
PEJABAT MARA DAERAH**

Permohonan & Maklumat Lanjut
Sila Layari Portal atau Pautan di Bawah



<https://bit.ly/InfoPMN>



PROGRAM PEMBANGUNAN INDUSTRI



PROGRAM PEMBANGUNAN
USAHAWAN PROFESIONAL

Uni KLINIK **Uni FARMAS!**

Uni dental **Pacct** PRUDENCE
CONSULTING
GROUP

.DrVET.
klinik veterinar



PROGRAM PEMBANGUNAN
USAHAWAN TEKNIKAL



PRO SOLAR **ekonXpert**



**PETRONAS
MOTOEXPERT**



PROGRAM PEMBANGUNAN
USAHAWAN PERUNCITAN



PINTAR
Program Pembangunan Usahawan Peruncitan dan
Pengembangan Usahawan Peruncitan



MF
MAYA IN FASHION



GATE TO GLOBAL

BIZ NETWORK
BIZ NETWORK





TAKWIM

KEUSAHAWANAN MARA

2026